



## ARAHAN KEWANGAN BIL. 08/2024

Rujukan: Bil. (74) dlm. MBI.V/2/1/22 Jld.8

Jabatan Ukur Bahan & Perolehan  
Majlis Bandaraya Ipoh

31 MEI 2024

Setiausaha Bandaraya,  
Semua Pengarah Kanan,  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit,  
Majlis Bandaraya Ipoh

Tuan/ Puan,

**PERLAKSANAAN KENAAN CAJ PERKHIDMATAN PENGURUSAN KONTRAK YANG MENGGUNAPAKAI SISTEM MYPEROLEHAN MAJLIS BAGI PEROLEHAN KERJA BERNILAI RM20,000.00 SEHINGGA RM50,000.00**

Dengan segala hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman kenaan caj perkhidmatan sebelum ini telah dikenakan kepada perolehan sebutharga dan tender sahaja. Walaubagaimanapun, **Jawatankuasa Penasihat Tujuan-Tujuan Am Bil. 397/05/24** telah memutuskan untuk mengenakan **caj perkhidmatan pengurusan kontrak bagi Perolehan Kerja Sahaja nilai melebihi RM20,000.00 sehingga RM50,000.00 yang akan berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024**

3. Kenaan fi perkhidmatan bagi pengurusan kontrak ini akan dikenakan hanya kepada kontraktor yang **BERJAYA SAHAJA**. Nilai kenaan maksimum fi perkhidmatan ini adalah tetap bagi jumlah kontrak melebihi RM1.2 juta dan ke atas. Kenaan fi perkhidmatan ini dipecahkan kepada 2 nilai mengikut tempoh kontrak seperti berikut :

TEMPOH KONTRAK	NILAI KENAAN FI PERKHIDMATAN	HAD NILAI MAKSIMUM KENAAN FI PERKHIDMATAN
Tempoh kontrak bermasa (MELEBIHI dari 4 bulan)	0.4%	RM4,800.00
Tempoh kontrak bukan bermasa (KURANG dari 4 bulan)	0.8%	RM9,600.00

4. Semua Jabatan yang mempunyai perancangan untuk melaksanakan perolehan perlu memastikan nilai peratusan(%) kenaikan fi perkhidmatan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Maklumat berkaitan kenaikan fi perkhidmatan pengurusan kontrak ini perlu dimasukkan dalam arahan kepada penender dan senarai kuantiti(BQ) seperti lampiran 1 & 2.

5. Kerjasama, perhatian dan tindakan semua Jabatan bagi perkara ini adalah amat dihargai. Pelaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“IPOH BESTARI SEJAHTERA”**

**“IPOH BANDAR RAYA PELANCONGAN UTAMA NEGARA 2025”**

**“IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030”**

Saya yang menjalankan amanah,

**DATO' HAJI RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Ipoh